

PEJABAT PENDIDIKAN
DAERAH JOHOR BAHRU
JKR 6365,
JALAN ABDUL RAHMAN ANDAK,
80100 JOHOR BAHRU
Homepej: <https://ppdjb.edu.my/v3/index.php>
E-mail: admin@ppdjb.edu.my

Telefon:

| | | | |
|--------------------|--------------|-------------|--------------|
| Pegawai Pendidikan | : 07-2200377 | HEM | : 07-2200458 |
| Timbalan PPD | : 07-2200685 | Rendah | : 07-2200370 |
| Pejabat Am | : 07-2200332 | Akademik | : 07-2200369 |
| Khidmat Pelanggan | : 07-2200691 | Pembangunan | : 07-2200337 |
| No. Faks | : 07-2200875 | Kewangan | : 07-2200375 |
| Menengah | : 07-2200339 | ICT | : 07-2200357 |

Ruj kami : JPA1002.36/100-19/3/3 JLD 5 (01)

Tarikh : 10 September 2019

Pengetua,
SMK Bandar Baru UDA,
SMK Seri Perling,
SMK Taman Impian Emas,
SMK Damansara Aliff,
Sekolah Tun Fatimah,
SM Islam Hidayah,
Johor Bahru.

Tuan,

TAKLIMAT PENYELARASAN KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI JOHOR BAGI TUJUAN PENYERTAAN MURID KE PROGRAM PEMIMPIN MASA HADAPAN MALAYSIA (MALAYSIA FUTURE LEADER SCHOOL – MFLS) TAHUN 2019

Dengan segala hormatnya surat daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor JPNJ.HEM.100-3/1/1/2 () bertarikh 13 Mac 2019 adalah dirujuk.

2. Bersama ini dilampirkan surat yang tersebut dan lampirannya yang dengan sendiri menerangkan maksudnya. Sehubungan itu Guru Penolong Kanan HEM sekolah tuan dikehendaki hadir ke taklimat tersebut sebagaimana ketetapan yang berikut.

Tarikh : 12 September 2019

Masa : 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

Tempat: Bilik Mesyuarat, Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru

3. Sila hubungi En. Ahmad Kamal bin Abu@Abdullah, Penyelia Kanan HEM PPDJB di talian 019-7948781 / 07-2200346 untuk sebarang pertanyaan. Kerjasama tuan dalam hal ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(AHMAD TAUFIK BIN HAMZAH)

b.p. Pegawai Pendidikan Daerah Johor Bahru,
Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604, Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim

Telefon : 07-231 0000
Pengarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0191
Faks : 07-234 7132
Laman Web : www.jpjohor.moe.gov.my
E-mel : jpj.johor@moe.gov.my

Ruj Kami : JPNJ HEM 100-3/1/1/2 ()
Tarikh : 17 Mac 2019

Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah
Negeri Johor
(u.p. PPPD Pembangunan Kemanusiaan)

Tuan,

**PELAKSANAAN PROGRAM PEMIMPIN MASA HADAPAN SEKOLAH
(MALAYSIA FUTURE LEADERS SCHOOL – MFLS) TAHUN 2019**

Dengan segala hormatnya, surat daripada Kementerian Pendidikan Malaysia **KPM.600-14/1/59JLD.13(76)** bertarikh 13 Mac 2019 adalah dirujuk dan dilampirkan yang menerangkan maksudnya.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Belia Dan Sukan (KBS) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan menganjurkan program yang tersebut di atas sepertimana ketetapan berikut.

- | | | |
|-----|------------|--|
| 2.1 | Tarikh | : Sepanjang Tahun 2019 (rujuk lampiran) |
| 2.2 | Masa | : 10 hari (rujuk lampiran) |
| 2.3 | Tempat | : KRAMSAU, Desaru, Johor. |
| 2.4 | Penyertaan | : Sepertimana ketetapan (rujuk lampiran) |

3. Sehubungan itu, guru pengiring dan murid-murid sekolah di daerah tuan terpilih untuk mengikuti program *MFLS* tersebut. Sila pastikan mereka yang berkenaan hadir pada masa yang ditetapkan. Mohon pihak sekolah menguruskan surat kebenaran ibubapa bagi peserta-peserta tersebut.

4. Sebarang pertanyaan sila hubungi, Encik Yazid bin Hj. Md. Said ditalian 012-7693669 atau 07-231190/92. Segala kerjasama daripada pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(AZMAN BIN ADNAN)

Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Johor
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Johor

YMS/asah2019/Program Anjuran KPM



Ruj. Kami: KPM 600-14/1/59 JLD 13 (76)
Tarikh: 13 Mac 2019

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN PROGRAM PEMIMPIN MASA HADAPAN (MALAYSIA
FUTURE LEADERS SCHOOL – MFLS) TAHUN 2019 OLEH KEMENTERIAN
BELIA DAN SUKAN DAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada KBS 500-2/1/4 Jld 3 (93) bertarikh 4 Februari 2019.

2. Jemaah Menteri pada 11 Julai 2018 telah memutuskan supaya Biro Tata Negara (BTN) dimansuhkan dan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dijenamakan semula serta digantikan dengan program baharu yang dapat membentuk jati diri anak muda. Dalam merealisasikan penjenamaan semula program PLKN, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengambil inisiatif awal dalam merangka dan membentuk program baharu bagi memupuk nilai moral dan semangat patriotisme yang tinggi dikenali sebagai Program Sekolah Pemimpin Masa Depan atau Malaysia Future Leaders School (MFLS).

3. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyambut baik cadangan pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk melaksanakan program baharu pada tahun 2019 iaitu MFLS yang dikhususkan kepada belia yang berumur di antara 15 hingga 17 tahun.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan, MFLS akan berlangsung selama 10 hari di 14 Kem Latihan Belia (KELAB), Outward Bound Malaysia Lumut dan Outward Bound Malaysia Sabah. MFLS akan bermula pada 1 April 2019 untuk kohort pertama dan tamat pada 23 Disember 2019 untuk kohort yang ke-15.

4. Jumlah keseluruhan peserta bagi MFLS tahun 2019 ialah 35,000 orang yang terdiri daripada 25,000 orang murid dari Sekolah Berprestasi Tinggi (65 buah), Sekolah Kluster Kecemerlangan (168 buah), Sekolah conforming (10 buah), sekolah swasta (10 buah), sekolah tahfiz JAKIM (10 buah) dan Maktab Rendah Sains MARA (10 buah), 5,000 orang murid dari sekolah yang melaksanakan aktiviti Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (268 Buah), 2,500 orang murid menengah orang asli dan luar bandar dan 2,500 orang murid sekolah menengah harian.

5 Pihak KBS akan menanggung kos makan minum dan penginapan peserta dan guru pengiring, sijil penyertaan dan pengangkutan peserta/guru pengiring manakala KPM pula berperanan untuk mendapatkan peserta dan guru pengiring bagi setiap kohort dan kem yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dimohon untuk memastikan penyertaan peserta dan guru pengiring adalah berdasarkan jumlah yang telah ditetapkan bagi setiap kem dan kohort. Jumlah peserta bagi setiap kohort dan kem adalah seperti Lampiran 1.


6 Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan adalah diharapkan untuk menyerahkan senarai nama peserta dan guru pengiring bagi setiap kohort dan kem sebelum tarikh akhir serahan seperti di Lampiran 2. Senarai nama sekolah yang mengikuti Kohort 1 hingga 10 boleh dimuat turun melalui laman sesawang <http://tinyurl.com/y236bpld> dan <http://tinyurl.com/yylfuvmp>. Sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan boleh menghubungi urusetia kami Encik Wan Ahmad Fakhurrazi bin Wan Yusoff di talian 03-88849339 / 019-2079277. Bersama-sama ini disertakan surat permohonan daripada pihak KBS untuk rujukan pihak YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


MOHD JAMIL BIN MOHAMED
Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.:

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
3. Ketua Pengarah Pelajaran
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
Sektor Operasi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah
Cawangan Latihan Khas
Kementerian Belia dan Sukan

**TARIKH AKHIR PENGHANTARAN NAMA PESERTA MFLS TAHUN 2019
KOHORT 1 HINGGA 15**

| FASA | KOHORT | TARIKH PELAKSANAAN | TARIKH PENGHANTARAN NAMA PESERTA | |
|--------|--------|-----------------------|-------------------------------------|--------------|
| FASA 1 | 1 | 1 APRIL – 10 APRIL | 20 MAC 2019 | |
| | 2 | 14 – 23 APRIL | | |
| FASA 2 | 3 | 25 APRIL – 4 MAY | | |
| | 4 | 17 – 26 JUN | | |
| FASA 3 | 5 | 6 – 15 JULAI | | 20 MEI 2019 |
| | 6 | 18 – 27 JULAI | | |
| | 7 | 31 JULAI – 9 OGOS | | |
| | 8 | 19 – 28 OGOS | | |
| | 9 | 18 – 27 SEPTEMBER | | |
| FASA 4 | 10 | 5 – 14 OKTOBER | | 30 OGOS 2019 |
| | 11 | 16 – 25 OKTOBER | | |
| | 12 | 2 -11 NOVEMBER | | |
| FASA 5 | 13 | 13 -22 NOVEMBER | | 30-Sep-19 |
| | 14 | 2 -11 DISEMBER | | |
| | 15 | 14 – 23 DISEMBER | | |